

PENGGUNAAN TEORI WARNA DAN TEKNIK KETUKAN PAPAN *ḤARAKĀT* BERWARNA DALAM MENGIRA *ḤARAKĀT* HUKUM MAD *ṢILAH ṬAWĪLAH* DAN MAD *ṢILAH QAṢĪRAH*

AZIZUL HAKIM BIN TAJUDIN

azizulhakim0301@gmail.com

ABSTRAK

Kajian penyelidikan tindakan ini dilaksanakan di sebuah sekolah rendah di pinggir bandar Kuching. Kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk membantu murid-murid Tahun 4 dalam mengira panjang *ḥarakāt* bagi hukum Mad *Ṣilah Ṭawīlah* dan Mad *Ṣilah Qaṣīrah* dengan menggunakan Papan *Ḥarakāt* Berwarna. Seramai empat orang murid telah dipilih sebagai peserta kajian berdasarkan ciri-ciri yang telah ditetapkan. Kajian ini telah dijalankan selama empat minggu dalam membantu murid mengenal Hukum Mad *Ṣilah* ini seterusnya mengira kadar *ḥarakāt* dengan betul. Saya menggunakan beberapa instrumen untuk mengumpul data seperti pemerhatian, rakaman video/gambar, temu bual, nota lapangan dan analisis dokumen (soalan latihan sebelum dan selepas tindakan). Dapatan kajian menunjukkan bahawa semua peserta kajian dapat membezakan hukum Mad *Ṣilah Ṭawīlah* dengan Mad *Ṣilah Qaṣīrah* seterusnya mengira panjang *ḥarakāt* dengan betul. Hasil ujian selepas tindakan menunjukkan peningkatan sebanyak 75% (tiga orang) dan 50% (seorang). Cadangan tindakan susulan bagi kajian ini adalah mengaplikasikan Papan *Ḥarakāt* Berwarna ini dalam semua jenis hukum mad.

Kata kunci: *Papan Ḥarakāt Berwarna, Mad Ṣilah Ṭawīlah, Mad Ṣilah Qaṣīrah, Ḥarakāt, Ketukan.*

PENGENALAN

Konteks

Allah SWT telah memerintahkan kepada semua hambaNya agar membaca Al-Quran secara bertartil. Begitu juga dengan beberapa hadis Rasulullah SAW yang turut mengingatkan umatnya agar membaca Al-Quran dengan bacaan yang baik. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, perkataan “tartil” membawa maksud membaca Al-Quran dengan tertib dan mengikut hukum tajwid serta diteliti tafsirannya. Salah satu daripada ciri-ciri membaca Al-Quran dengan tartil adalah membacanya mengikut hukum tajwid yang betul. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, “tajwid” bermaksud ilmu dan hukum yang berkaitan dengan lafaz atau sebutan yang betul dan tepat dalam bacaan al-Quran. Menurut Abdul Qadir Leong (2002) pula, tajwid dari segi istilah bermaksud melafazkan setiap huruf dari makhrajnya yang betul serta memenuhi hak-hak setiap huruf.

Membaca Al-Quran adalah salah satu daripada perkara ibadah dengan dijanjikan pelbagai ganjaran yang lumayan kepada pembacanya. Antara ganjaran yang dijanjikan Allah SWT kepada pembaca Al-Quran adalah pahala yang tidak terkira jumlahnya di samping diberikan syafaat pada Hari Kiamat kelak. Dalam usaha kita untuk meraih syafaat tersebut, kita perlu membaca Al-Quran dengan sebaik mungkin. Antaranya adalah berusaha untuk meningkatkan kualiti bacaan dengan mematuhi hukum tajwid yang terdapat dalam setiap ayat yang dibaca. Menurut Mahadi & Azahari (2003) dan Nik Jaafar (1998) hukum mempelajari hukum tajwid

adalah fardhu kifayah, manakala hukum beramal dengan hukum tajwid semasa membaca Al-Quran hukumnya adalah fardhu ain ke atas setiap umat Islam yang mukallaf. Antara ganjaran yang dijanjikan Allah SWT kepada pembaca Al-Quran adalah pahala yang tidak terkira di samping diberikan syafaat pada Hari Kiamat kelak.

Refleksi Pengajaran dan Pembelajaran

Sepanjang menjalani praktikum fasa kedua yang lepas, saya mendapati masih terdapat ramai murid Tahun 4 yang tidak dapat membaca al-Quran dengan betul serta bertajwid. Terdapat beberapa permasalahan yang saya dapati tidak dapat dikuasai oleh murid antaranya hukum mad, Qalqalah dan beberapa hukum tajwid yang lain. Hampir keseluruhan hukum tajwid yang dipelajari ketika berada dari Tahun 1 hingga Tahun 4 tidak dapat diingati seterusnya tidak dipraktikkan oleh mereka. Namun begitu, saya lebih menumpukan pemerhatian saya kepada hukum Mad *Ṣilah Ṭawīlah* Dan Mad *Ṣilah Qaṣīrah* kerana hukum bacaan dan panjang *ḥarakāt* bagi kedua-dua hukum tajwid ini mempunyai kaitan dengan hukum mad yang lain seperti Mad Wajib Muttasil, Mad Jaiz Munfasil, Mad Lazim Harfi Muthaqqal, Mad Asli dan sebagainya. Saya melaksanakan pemerhatian sepanjang sesi pengajaran dan pemudah caraan murid Tahun 4.

Selain itu, saya mendapati murid-murid Tahun 4 ini masih tidak dapat mengira panjang *ḥarakāt* bagi hukum Mad *Ṣilah* ini seterusnya menyebabkan mereka membaca ayat Al-Quran tersebut tanpa mengikut kadar panjang bacaan yang betul. Setelah saya menegur murid-murid tersebut dengan mengingatkan mereka tentang kewujudan tanda panjang (~) tersebut, mereka membaca semula ayat tersebut dengan memanjangkan bacaan namun masih tidak dapat mengira panjang *ḥarakāt* dengan tepat. Terdapat beberapa orang murid yang mengira panjang *ḥarakāt* menggunakan anggaran semata-mata. Terdapat juga beberapa orang murid yang mengira menggunakan kiraan jari atau "*counting fingers*" sahaja. Penggunaan jari dalam mengira ini tidak begitu tepat kerana setiap murid mengira mengikut masa sendiri.

Pengumpulan Data Awal


Kaedah pengumpulan data yang saya laksanakan adalah pemerhatian, rakaman gambar dan analisis dokumen.

1) Pemerhatian:

Sepanjang sesi pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Pendidikan Islam Tahun 4, saya menjalankan pemerhatian untuk mengenalpasti permasalahan yang berlaku dalam kalangan murid tersebut. Semasa melaksanakan sesi talaqqī mushāfahah, saya mendapati murid-murid masih tidak menguasai hukum tajwid. Bacaan Al-Quran mereka lancar kerana mengenali huruf dengan baik, namun dari segi hukum dengung, bacaan panjang, bacaan pendek dan lain-lain masih belum mereka kuasai. Namun, permasalahan yang paling ketara adalah kesemua murid tidak dapat mengira panjang *ḥarakāt* dengan betul dan tepat. Perkara tersebut menyebabkan bacaan mereka menjadi tidak sama dan serentak.

2) Rakaman Gambar

Saya mendapati kebanyakan murid-murid mengira panjang *ḥarakāt* menggunakan kaedah kiraan jari atau “*counting fingers*”. Kaedah pengiraan tersebut adalah satu teknik yang bagus, tetapi mempunyai sedikit kekurangan jika diaplikasi oleh murid-murid ini. Kiraan yang tidak sama antara satu sama lain menyebabkan bacaan selepas itu menjadi tidak serentak. Dalam kata yang lebih mudah, terdapat murid yang mengira dengan kadar perlahan dan terdapat juga yang mengira dengan kadar laju.



Rajah 1. Murid-murid menggunakan kaedah “*counting fingers*” untuk mengira *harakat*.

3) Analisis Dokumen

Saya menyediakan set soalan latihan untuk diedarkan kepada semua murid untuk menguji tahap pemahaman masing-masing. Latihan tersebut mengandungi empat soalan berkaitan dengan ciri-ciri hukum Mad *Ṣilah Ṭawīlah* dan Mad *Ṣilah Qaṣīrah*.

Keputusan markah latihan semua peserta kajian boleh dilihat pada Jadual 1.

Jadual 1

Markah latihan peserta kajian sebelum tindakan.

| Bil. | Peserta Kajian | Markah Latihan Sebelum Tindakan |
|------|----------------|---------------------------------|
| 1. | Murid A | 1 / 4 = 25% |
| 2. | Murid B | 2 / 4 = 50% |
| 3. | Murid C | 1 / 4 = 25% |
| 4. | Murid D | 1 / 4 = 25% |

FOKUS KAJIAN

Sebagai bakal Guru Pendidikan Islam di sekolah kelak, adalah menjadi tanggungjawab saya untuk membantu dan memastikan setiap murid dapat membaca Al-Quran dengan betul dan bertajwid. Menurut Abdul Ghani Ariffin (2011), kita sebagai umat Islam boleh mempraktikkan ilmu berkaitan Al-Quran yang dipelajari kepada diri sendiri, ahli keluarga dan masyarakat setempat yang memerlukan bimbingan. Menurut beliau juga, menjadi tanggungjawab kepada kita yang

mempunyai ilmu untuk membantu membetulkan bacaan mereka walaupun tidak mempunyai tauliah ada kelulusan untuk mengajar Al-Quran.

Saya merasakan bahawa bidang asuhan tilawah Al-Quran ini perlu diberi perhatian yang lebih kerana murid-murid ini akan mengamalkan pembacaan Al-Quran dalam kehidupan seharian mereka sama ada di dalam solat, menaiki kenderaan dan amalan yang lain. Masalah paling ketara yang saya dapat perhatikan adalah kebanyakan murid-murid masih lagi tidak dapat mengenali perbezaan tanda bacaan panjang dan pendek. Mereka juga tidak dapat mengira jumlah panjang *ḥarakāt* dengan tepat bagi hukum tajwid yang tertentu terutamanya hukum mad. Berdasarkan kedua-dua buah kelas yang saya diamanahkan untuk mengajar iaitu kelas murid Tahun 4, hanya beberapa orang sahaja murid yang dapat membaca Al-Quran dengan lancar.

OBJEKTIF KAJIAN DAN PERSOALAN KAJIAN

Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan berpandukan kepada objektif berikut:

1. Membantu murid-murid Tahun 4 untuk membezakan hukum Mad *Ṣilah Ṭawīlah* dan Mad *Ṣilah Qaṣīrah* dengan menggunakan teori warna.
2. Membantu murid-murid Tahun 4 dalam mengira panjang *ḥarakāt* bagi hukum Mad *Ṣilah Ṭawīlah* dan Mad *Ṣilah Qaṣīrah* dengan menggunakan teknik ketukan "Papan *Ḥarakāt* Berwarna".
3. Menarik minat murid-murid Tahun 4 untuk mempelajari hukum tajwid Mad *Ṣilah Ṭawīlah* dan Mad *Ṣilah Qaṣīrah*.

Persoalan Kajian

Kajian yang dilaksanakan ini akan menjawab persoalan berikut:

1. Bagaimanakah penggunaan teori warna dapat membantu murid-murid Tahun 4 membezakan hukum Mad *Ṣilah Ṭawīlah* dan Mad *Ṣilah Qaṣīrah*?
2. Bagaimanakah penggunaan teknik ketukan "Papan *Ḥarakāt* Berwarna" dapat membantu murid-murid Tahun 4 mengira panjang *ḥarakāt* bagi hukum Mad *Ṣilah Ṭawīlah* dan Mad *Ṣilah Qaṣīrah*?
3. Adakah sesi pengajaran dan pembelajaran menggunakan kaedah ini dapat menarik minat murid-murid untuk mempelajari hukum tajwid Mad *Ṣilah Ṭawīlah* dan Mad *Ṣilah Qaṣīrah*?

PESERTA KAJIAN

Kajian yang saya laksanakan ini memerlukan seramai empat orang murid sebagai peserta kajian iaitu murid A, B, C dan D. Semua peserta kajian tersebut dipilih berdasarkan beberapa kriteria yang ditetapkan oleh saya sendiri. Antara kriteria tersebut adalah:

1. Tahap kebolehan membaca Al-Quran yang sederhana dan lemah.
2. Mengira panjang *ḥarakāt* menggunakan kaedah kiraan jari atau "counting fingers".
3. Mampu menerima kaedah dan teknik pengajaran baharu dengan baik.
4. Mampu memberi kerjasama yang baik semasa kajian dilaksanakan.

TINDAKAN

Selepas memilih model penyelidikan tindakan yang sesuai untuk diaplikasi, saya memulakan langkah kajian saya untuk mengumpul data. Kajian tindakan ini berlangsung selama empat minggu iaitu bermula daripada 19 Februari 2018 hingga 16 Mac 2018. Saya menggunakan sepenuhnya masa mata pelajaran Pendidikan Islam untuk menjalankan kajian tindakan yang telah saya rancang ini. Berikut adalah catatan kronologi aktiviti semasa sesi tindakan yang saya telah laksanakan:

Jadual 2

Ringkasan aktiviti semasa pelaksanaan tindakan.

| Sesi | Tarikh/Hari | Aktiviti | Catatan |
|------|---------------------------|---|---|
| 1. | 19 Februari 2018 (Isnin) | - Perbincangan bersama Guru Besar dan Guru Pembimbing mengenai kajian tindakan yang akan dilaksanakan. | - Perbincangan - Temu bual |
| 2. | 20 Februari 2018 (Selasa) | - Berkenalan dengan murid-murid Tahun 4 - Pelaksanaan latihan sebelum tindakan. - Sesi <i>talaqqī mushāfahah</i> . | - Pemerhatian - Rakaman video - Lembaran kerja |
| 3. | 27 Februari 2018 (Selasa) | - Perbincangan mengenai Hukum Mad <i>Ṣilah</i> . - Pelaksanaan tindakan (Penggunaan Warna Dan Teknik Ketukan Dalam Mengira <i>Ḥarakāt</i> Hukum Mad <i>Ṣilah</i>). - Penggunaan warna pada kalimah Al-Quran. - Penggunaan Papan <i>Ḥarakāt</i> Berwarna. <i>talaqqī mushāfahah</i> . | - Pemerhatian - Rakaman video - Gambar - Nota lapangan |
| 4. | 6 Mac 2018 (Selasa) | - Sesi Talaqqi Musyafahah seperti biasa. - Pengulangan semula tindakan (peneguhan). - Pelaksanaan latihan selepas tindakan. | - Lembaran kerja - Pemerhatian - Nota lapangan |

Penerangan Bahan


Kaedah yang dimaksudkan adalah teori warna di mana saya menggunakan warna merah pada tanda hukum Mad *Ṣilah Ṭawīlah* dan warna hijau pada tanda hukum Mad *Ṣilah Qaṣīrah* untuk memudahkan murid-murid membezakan kedua-dua hukum ini. Untuk teknik ketukan pula, saya menggunakan Papan *Ḥarakāt* Berwarna bagi membantu murid-murid mengira kadar *ḥarakāt* Mad *Ṣilah* tersebut dengan lebih tepat. Saya turut mula merancang mengenai pemilihan sampel kajian dari segi kaedah dan bilangan.

Jadual 3

Penggunaan teori warna dalam membezakan hukum Mad *Ṣilah*.

| Hukum Mad | Mad <i>Ṣilah Ṭawīlah</i> | Mad <i>Ṣilah Qaṣīrah</i> |
|-------------|--|---|
| Ciri-Ciri | | |
| Tanda | (و / ؤ) | (و / ء) |
| Cara Bacaan | Panjang 4 atau 5 <i>ḥarakāt</i> . | Panjang 2 <i>ḥarakāt</i> . |
| Contoh | لَا يَسْتَحْيِي أَنْ يَضْرِبَ أَمْطَرُهُ إِلَىٰ عَذَابٍ | وَيَهْدِي بِهِ كَثِيرًا يُحَرِّفُونَهُ مِنْ بَعْدِ |

Saya juga merancang untuk membina satu bahan bantu yang boleh digunakan oleh murid-murid mengira panjang *ḥarakāt* dengan lebih tepat dan serentak. Setelah merujuk beberapa kaedah dan teknik, saya mendapat ilham daripada Allah SWT untuk membina satu alat ketukan. Alat ini dibina menggunakan kadbod yang dipotong dan disusun untuk menjadi pemisah. Saya membina pemisah tersebut untuk meletakkan nombor yang mewakili bilangan *ḥarakāt*.



Rajah 2. Papan *Ḥarakāt* Berwarna untuk kegunaan murid mengira harakat.

DAPATAN KAJIAN

Saya menggunakan persoalan kajian yang telah dirancang untuk memastikan data yang dikumpul bertepatan tajuk kajian tindakan saya.


Penggunaan teori warna dapat membantu murid-murid Tahun 4 membezakan hukum Mad *Ṣilah Ṭawīlah* dan Mad *Ṣilah Qaṣīrah*. Terdapat beberapa kaedah pengumpulan data yang dianalisis untuk mengukur keberkesanan penggunaan teori warna ini. Saya menggunakan kaedah analisis dokumen, rakaman video/gambar dan pemerhatian untuk menjawab soalan ini.

Analisis Dokumen

Saya menilai keberkesanan persoalan ini dengan menganalisis dokumen iaitu membandingkan keputusan soalan latihan sebelum tindakan dengan soalan latihan selepas tindakan. Sebelum melaksanakan tindakan menggunakan teori warna ini, saya terlebih dahulu mengedarkan soalan latihan untuk menguji ingatan murid akan pelajaran hukum Mad *Ṣilah* yang telah dipelajari. Hasil daripada jawapan yang diberikan oleh peserta kajian, saya mendapati bahawa mereka tidak dapat membezakan antara hukum Mad *Ṣilah Ṭawīlah* dan Mad *Ṣilah Qaṣīrah*.

Selepas menerangkan cara penggunaan teori warna terhadap hukum Mad *Ṣilah Ṭawīlah* dan Mad *Ṣilah Qaṣīrah* ini, saya melaksanakan tindakan terhadap semua peserta kajian. Saya menggunakan dua warna yang berbeza iaitu warna merah pada kalimah yang terdapat hukum Mad *Ṣilah Ṭawīlah* dan warna hijau untuk hukum Mad


Ṣilah Qaṣīrah. Sebelum tamat sesi tersebut, saya sekali lagi menguji peserta kajian dengan mengedarkan latihan. Tujuan latihan ini adalah untuk mengenalpasti keberkesanan kajian ini. Hasilnya sangat memuaskan apabila semua peserta kajian mendapat markah 100%.



Rajah 3. Graf keputusan latihan sebelum dan selepas tindakan bagi semua peserta kajian.

Rakaman Gambar

Untuk menambah kesahan data yang dikumpul, saya turut mengambil beberapa keping gambar untuk dinalisis berkaitan persoalan kajian ini. Gambar tersebut diambil ketika sesi ujian lisan yang dijalankan semasa sesi *talaqqī mushāfahah*. Ujian lisan tersebut adalah berkaitan ciri-ciri hukum Mad *Ṣilah Ṭawīlah* dan Mad *Ṣilah Qaṣīrah* yang dijawab secara spontan oleh murid yang terpilih.



Rajah 4: Peserta kajian berjaya menjawab ujian lisan berkaitan ciri-ciri hukum mad silah qasirah dengan betul.

Penggunaan teknik ketukan “Papan *Ḥarakāt Berwarna*” dapat membantu murid-murid Tahun 4 mengira panjang *ḥarakāt* bagi hukum Mad *Ṣilah Ṭawīlah* dan Mad *Ṣilah Qaṣīrah*. Persoalan ini dapat dibuktikan dengan data yang diperolehi dengan menggunakan dua kaedah pengumpulan data iaitu pemerhatian dan rakaman video.

Pemerhatian

Berdasarkan pemerhatian yang dilaksanakan, penggunaan bahan ini dan tindakan telah dilaksanakan terbukti berjaya membantu murid-murid Tahun 4 mengira panjang *ḥarakāt* dengan serentak. Peserta kajian dapat memahami penerangan dan contoh penggunaan Papan *Ḥarakāt Berwarna* yang telah saya perkenalkan. Apabila tiba sesi pelaksanaan, semua peserta kajian dapat menggunakannya dengan betul. Berdasarkan analisis pemerhatian semasa sesi *talaqqī mushāfahah* selepas Papan *Ḥarakāt Berwarna* diperkenalkan, ternyata kadar kiraan *ḥarakāt* oleh semua peserta


kajian menjadi serentak. Perubahan tersebut juga menyebabkan bacaan Al-Quran mereka menjadi serentak selepas bacaan kalimah yang mengandungi hukum Mad *Şilah*. semua peserta kajian juga tidak lagi menggunakan kaedah “*counting fingers*” dalam mengira panjang *ḥarakāt*. Pemerhatian tersebut saya catatkan di dalam nota lapangan.

| <u>Nota Lapangan:</u> | |
|-----------------------|---|
| Tarikh | : 27 Februari 2018 (Selasa) |
| Masa | : 8.30-9.30 pagi |
| Tempat | : Bilik Pendidikan Islam |
| Catatan Peristiwa | : Murid-murid berjaya menggunakan Papan <i>Ḥarakāt</i> Berwarna dengan betul. Mereka mengetuk skala nombor dengan sama dan serentak ketika mengira panjang <i>ḥarakāt</i> hukum Mad <i>Şilah Ṭawīlah</i> dan Mad <i>Şilah Qaşīrah</i> . |
| Refleksi | : Penggunaan Papan <i>Ḥarakāt</i> Berwarna ternyata berkesan dan berjaya membantu murid untuk mengira panjang <i>ḥarakāt</i> Mad <i>Şilah Ṭawīlah</i> dan Mad <i>Şilah Qaşīrah</i> dengan serentak. |

Rajah 5. Peristiwa yang berlaku semasa penggunaan Papan *Ḥarakāt* Berwarna.

Rakaman Video/Gambar

Semasa menjalankan tindakan penggunaan Papan *Ḥarakāt* Berwarna tersebut, saya turut meminta rakan praktikum saya untuk membuat rakaman video untuk diulang tayang. Hal ini kerana menurut Rosinah Edinin (2011), rakaman video dan gambar boleh dimainkan semula mengikut kemahuan untuk menilai secara lebih jelas.. Analisis rakaman video yang dibuat semasa pelaksanaan teori warna dan teknik ketukan Papan *Ḥarakāt* Berwarna juga merekodkan perkara yang sama dengan pemerhatian saya. Semasa mengulang semula tayangan video tersebut, saya mendapati peserta kajian dapat membezakan hukum Mad *Şilah Ṭawīlah* dan Mad *Şilah Qaşīrah* apabila mereka memanjangkan kadar bacaan pada kalimah yang sepatutnya.



Rajah 6. Semua peserta kajian dapat mengetuk dengan serentak pada skala 4 *harakat*.

Sesi pengajaran dan pembelajaran menggunakan kaedah ini dapat menarik minat murid-murid untuk mempelajari hukum tajwid Mad *Şilah Ṭawīlah* dan Mad *Şilah Qaşīrah*. Saya menggunakan dua kaedah iaitu pemerhatian dan temu bual untuk mengumpul data berkaitan persoalan kajian ini.

Pemerhatian

Berlaku perubahan apabila saya mengarahkan mereka untuk membaca dengan bersungguh-sungguh dan mengira *ḥarakāt* dengan betul. Namun begitu, bacaan mereka agak perlahan dan tidak serentak. Selepas itu, saya bersoal jawab dengan murid-murid secara lisan mengenai hukum Mad *Ṣilah Ṭawīlah* dan Mad *Ṣilah Qaṣīrah*. Semua murid berjaya menjawab soalan lisan yang diberikan oleh guru.

Temu Bual

Selepas penggunaan Papan *Ḥarakāt* Berwarna ini dilaksanakan, saya menemu bual semua peserta kajian untuk mengetahui perasaan mereka Temu bual ringkas ini dijalankan secara berkumpulan dan hasil daripada pengakuan mereka, ternyata tindakan yang dilaksanakan ini sangat membantu mereka semua.

| Temu bual: | |
|-------------------|--|
| Guru | : Kamu faham ke dengan apa yang ustaz ajar harini? |
| Murid-murid | : Faham, ustaz! |
| Guru | : Apa perasaan kamu apabila ustaz perkenalkan teori warna dengan Papan <i>Ḥarakāt</i> Berwarna ini? |
| Murid-murid | : Saya berasa sangat seronok ustaz. |
| Guru | : Mengapa seronok? |
| Murid-murid | : Sebab senang nak faham. Lepas tu saya suka dengan Papan <i>Ḥarakāt</i> Berwarna yang ustaz bina tu. Lagi mudah kami dah mengira <i>ḥarakāt</i> . |
| Guru | : Alhamdulillah. Jadi kamu makin berminat untuk mempelajari hukum tajwid ini dan hukum yang lain? |
| Murid-murid | : Ya ustaz kami makin berminat untuk mempelajari hukum tajwid ini. |

Rajah 7. Catatan temu bual bersama peserta kajian selepas tindakan dilaksanakan.

Selepas tindakan dilaksanakan, saya mendapati murid-murid sangat seronok menggunakan teori warna dan Papan *Ḥarakāt* Berwarna ini. Mereka juga makin bersemangat untuk membaca Al-Quran dengan bertajwid dan ingin mempelajari lebih banyak hukum tajwid. Data ini saya perolehi melalui pemerhatian dan sesi temu bual ringkas secara lisan bersama semua peserta kajian.

REFLEKSI

Selepas melaksanakan kajian penyelidikan tindakan ini, saya berasa sangat berpuas hati dengan keputusan yang diperolehi berdasarkan Penggunaan Teori Warna dan Teknik Ketukan Papan *Ḥarakāt* Berwarna Dalam Mengira *Ḥarakāt* Hukum Mad *Ṣilah Ṭawīlah* Dan Mad *Ṣilah Qaṣīrah*. Penggunaan inovasi yang saya laksanakan ini sangat bertepatan dengan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) di dalam Bab Lima Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM) iaitu guru merupakan pemacu kepada peningkatan kualiti pendidikan murid. Kementerian turut berhasrat agar setiap sekolah melaksanakan aktiviti pembangunan profesionalisme keguruan seperti melaksanakan inovasi pendidikan ini. Pelaksanaan aktiviti seperti

ini diharapkan dapat meningkatkan kualiti amalan pedagogi guru di sekolah seterusnya meningkatkan kualiti pendidikan.

Penggunaan inovasi yang saya laksanakan ini merupakan satu langkah yang bertepatan dengan hasrat KPM untuk meningkatkan kualiti amalan profesionalisme keguruan. Pelbagai ilmu dan pengalaman baharu yang saya perolehi sepanjang melaksanakan penyelidikan ini terutamanya aspek amalan pengajaran sendiri. Segala ilmu dan pengetahuan tersebut sangat berguna kepada saya untuk diaplikasikan semasa mengajar Pendidikan Islam di sekolah kelak. Kreativiti dan inovasi yang dilaksanakan oleh guru diaplikasikan secara tidak langsung semasa sesi pembelajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan dengan tersusun (Alimuddin, 2012). Menurut Muhammad Syaharuddin (2014) pula, guru merupakan individu yang bertanggungjawab terhadap kualiti pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakannya. Setiap guru perlu menyiapkan diri dari segi fizikal, mental dan rohani apabila berada di dalam bidang pendidikan yang kian mencabar ini.

CADANGAN TINDAKAN SUSULAN

Berdasarkan semua dapatan kajian, saya dapat membuat kesimpulan bahawa kaedah penggunaan warna dan teknik ketukan Papan *Ḥarakāt* Berwarna yang saya bina ini sangat berkesan dalam membantu murid membezakan hukum Mad *Ṣilah Ṭawīlah* dan Mad *Ṣilah Qaṣīrah* serta mengira panjang *ḥarakāt*. Dapatan saya ini bertepatan dengan rumusan kajian Ag. Ruzaini (2012), Zulfazreen (2014) dan Md. Hidayat (2012) yang turut menyatakan perkara yang sama berdasarkan kajian mereka. Saya berhasrat untuk melanjutkan kajian tindakan ini dengan membuat kitaran yang baharu di sekolah yang saya akan ditempatkan kelak. Saya amat optimis bahawa Papan *Ḥarakāt* Berwarna yang saya akan dapat digunakan oleh semua murid dan umat Islam yang lain dalam meningkatkan penguasaan hukum tajwid.

Bahan yang saya bina iaitu Papan *Ḥarakāt* Berwarna ini boleh dikembangkan lagi kaedah penggunaannya iaitu dengan digunakan untuk semua hukum mad yang memerlukan kaedah kiraan *ḥarakāt*. Papan ini boleh ditambah baik dengan menggunakan teori warna dalam membantu umat Islam mengira panjang *ḥarakāt* bagi hukum mad. Hal ini demikian kerana saya menyediakan enam tempat ketukan atau skala nombor yang mewakili kadar panjang enam *ḥarakāt* pada papan tersebut. Dalam hukum tajwid, kadar panjang *ḥarakāt* yang tertinggi bagi semua hukum mad adalah enam *ḥarakāt* sahaja. Justeru, Papan *Ḥarakāt* Berwarna ini sangat sesuai untuk dikembangkan dan digunakan bagi mengira panjang *ḥarakāt* semua hukum mad.

Rujukan

- Ag. Ruzaini Ag. Ali Omar. (2012). *Penggunaan Warna Pada Huruf-Huruf Mad Asli Dalam Surah-Surah Bacaan Al-Quran Tahun Lima*. Tesis Ijazah Sarjana Muda. Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang, Kuching.
- Abdul Qadir Leong. (1994). *Tajwid Al-Quran Rasm Uthmani*. Selangor: Pustaka Salam Sdn. Bhd.

- Alimuddin Mohd Dom. (2012, Disember 10). Kreativiti, inovasi dalam pendidikan. *Utusan Online*. Diakses pada 28 Mac 2018 dari laman http://ww1.utusan.com.my/utusan/Rencana/20121210/re_01/Kreativiti-inovasi-dalam-pendidikan.
- Azahari Othman dan Mahadi Dahlan. (2003). *Kaedah Tajwid Resm Uthmani Dalam Al-Quran*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publisher.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2012). *Laporan Awal Pelan Pembangunan 2013-2025*. Dilayari pada 26 Mac 2018, dari laman web <https://www.moe.gov.my/images/dasar-kpm/PPP/Preliminary-Blueprint.pdf>.
- Md. Hidayat Othman. (2012). *Penggunaan Warna dan Simbol (W&S) Dalam Kemahiran Menyambung Huruf Jawi Bagi Tahun 3*. Tesis Ijazah Sarjana Muda. Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang, Kuching.
- Muhammad Syaharuddin Ibrahim. (2014). *Penggunaan Kaedah Bercerita Dalam Membantu Murid Mengenalpasti Hukum Mad Wajib Muttasil Dan Mad Jaiz Munfasil*. Laporan Penyelidikan Tindakan Ijazah Sarjana Muda. Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang, Kuching.
- Nik Jaafar Nik Ismail. (1998). *Qawaid at-Tarannum (Cara Berlagu)*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Rosinah Edinin. (2011). *Penyelidikan Tindakan Kaedah dan Penulisan*. Kuala Lumpur: Freemind Horizons.
- Zulfazreen Salikin. (2014). *Penggunaan Gambar dan Warna Dalam Membezakan Cara Bacaan Nun Sakinah atau Tanwin Yang Bertemu Dengan Huruf Mim dan Ba'*. Laporan Penyelidikan Tindakan Ijazah Sarjana Muda. Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang, Kuching.